

→ WANITA



Kita menolak sekeras-kerasnya amalan songsang seperti menukar jantina dan mengadakan hubungan seks dengan kaum sejenis kerana ia melanggar hukum Tuhan"

Norhimah Aziz,
Presiden Persatuan Wanita Inspirasi Negara



Jika kerajaan mengiktiraf golongan itu dengan jantina baharu, tetapi dari segi biologi masih lelaki, mereka boleh memudaratkan wanita dan lelaki normal"

Noor Aziah Mohd Awal,
Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, UKM

Iktiraf LGBT bakal cetus polemik tak berkesudahan

→ Tiada diskriminasi transgender, namun amalan songsang perlu ditolak sama sekali

Oleh Hidayah Mohammad
hid_mohd@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pelbagai pihak menyarankan isu golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual (LGBT) di negara ini dibincangkan secara menyeluruh kerana bakal membangkitkan pelbagai polemik yang tidak berkesudahan, pada masa hadapan.

Presiden Persatuan Wanita Inspirasi Negara (PWIN), Norhimah Aziz, berkata setakat ini tiada diskriminasi dan masyarakat sudah terlalu bertolak ansur terhadap golongan itu yang dilihat semakin ramai di negara ini.

Katanya, ramai golongan LGBT yang bekerja, memiliki kerjaya hebat dalam pelbagai sektor dan kewujudan mereka tidak dipersoalkan, walaupun perbuatan mereka melanggar batasan agama.

"Malah, ramai daripada mereka

juga terdiri daripada golongan profesional dan tidak dinafikan hak sebagai rakyat Malaysia.

"Bagi yang Islam, tiada larangan dan halangan mereka ke masjid untuk beribadah kecuali golongan maknyah yang ingin menggunakan tandas wanita kerana ia boleh memberi kesan terhadap aspek keselamatan wanita tulin.

"Kita perlu lihat sedalam-dalamnya isu ini. Andai mahu mengiktiraf LGBT akan memberi kesan besar kepada anak. Bagaimanapun, isu yang dituntut oleh sebilangan mereka hanya dianggap kes terpencil dan ia diperbesarkan secara lantang kerana amalan *freedom of speech*," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa, yang membangkitkan untuk menghapuskan budaya benci dan diskriminasi kepada komuniti LGBT terutama di tempat kerja dan awam.

Perangai, sikap melampau

Terdahulu Dr Mujahid bertemu dengan aktivis transgender, Nisha Ayub.

Bagaimanapun, Norhimah berkata, beliau tidak menafikan kebencian terhadap golongan itu wujud kerana perangai dan sikap melampau yang ditunjukkan mereka secara terang.

"Kita menolak sekeras-kerasnya amalan songsang seperti menukar jantina dan mengadakan hubungan seks dengan kaum sejenis kerana ia melanggar hukum Tuhan," katanya.



Kehidupan golongan LGBT bertentangan fitrah semula jadi dan melanggar hukum Tuhan.



Keratan akhbar
BH 21 Mac 2018.

Golongan itu juga sudah diberi peluang untuk menyumbang kepada kerajaan, hak untuk ke sekolah, akses kepada kemudahan kesihatan, beribadat dan lain-lain.

Justeru, tuntutan golongan itu seperti menyediakan tandas khas untuk mereka, hanyalah ilusi golongan LGBT yang sekadar ingin menuntut kebebasan bagi mengiktiraf perbuatan mereka secara terang.

"Kita menolak sekeras-kerasnya golongan ini tidak dinafikan hak mereka sama ada di pusat pengajian tinggi, tempat awam, pejabat dan mendapat rawatan hospital," katanya.

Sementara itu, Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, berkata rakyat Malaysia sudah lama hidup ber-

toleransi antara satu sama lain.

Katanya, kumpulan berkenaan juga bebas hidup tanpa sebarang diskriminasi.

Perlu pengesahan pakar

Bagaimanapun, beliau berkata jika ada isu berbangkit, misalnya rasa didiskriminasi di tempat kerja atau sebagainya bagi yang sudah menjalani pembedahan menukar jantina, kerajaan perlu menyediakan peruntukan undang-undang khusus mengenainya.

"Jika mereka yang menjalani pembedahan jantina, pasti akan membabitkan penukaran identiti dan organ kelamin.

"Perubahan segi fizikal dan biologi ini perlu disahkan oleh pakar perubatan bagi membolehkan mereka menukar nama dan status jantina dalam kad pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Di Malaysia bagaimanapun tidak ramai golongan ini yang membuat pembedahan. Jadi, secara biologi mereka masih lelaki walaupun berpakaian dan perwatakan seperti wanita," katanya.

Noor Aziah berkata, persoalan lain yang akan timbul, bagi yang tidak membuat pembedahan menukar jantina kewujudan mereka akan mengelirukan masyarakat.

"Adakah kerajaan akan mewujudkan tempat khas bagi mereka seperti tandas di tempat kerja, kawasan awam, hospital, wad dan sel khas di penjara.

Mudarat wanita, lelaki normal

"Jika kerajaan mengiktiraf golongan itu dengan jantina baharu, tetapi dari segi biologi masih lelaki, mereka boleh memudaratkan wanita dan lelaki yang normal.

"Mereka boleh merogol wanita dan dilwat oleh lelaki. Jika dibiarkan situasi itu akan menjadik seperti di Amerika Syarikat, India dan tidak mustahil ia boleh berlaku di negara ini," katanya.

Beliau berkata, masyarakat sekarang sudah terlalu bertolak ansur terhadap golongan LGBT yang dilihat semakin ramai di negara ini.

Jika dibiarkan, masyarakat rasa kurang selamat.

Katanya, golongan itu seharusnya diberi nasihat untuk kembali ke pangkal jalan kerana penampilan mereka yang bertolak seperti lelaki atau perempuan secara fizikal dan biologi, malah penampilan itu adalah haram di sisi Islam.

(FOTO HUASAN)